

Wisma Khidmat jadi Sekolah Perubatan UMS



TEO Chee Kang (kanan) menyerahkan replika cek kepada Pangeran Hassanel Pangeran Mohd. Tahir sambil disaksikan Musa Aman (dua dari kiri) di Penampang, semalam.

PENAMPANG 14 April – Bangunan Wisma Khidmat yang sebelum ini dicadangkan untuk dijadikan hospital swasta milik kerajaan negeri akan dijadikan sebagai Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, sekolah perubatan itu akan menempatkan blok klinikal bagi membolehkan perkhidmatan perubatan diberikan kepada masyarakat yang memerlukan rawatan.

Beliau berkata, langkah itu terpaksa diambil setelah Kementerian Kesihatan memaklumkan tidak mampu mewujudkan hospital di bangunan berkenaan kerana kekurangan kakitangan dan tenaga pakar.

“Sebagai alternatif kerajaan negeri bekerjasama dengan UMS, di mana mereka (UMS) akan mengambil alih tapak Wisma Khidmat itu untuk menempatkan sekolah perubatan.

“Pada masa sama, blok klinikal akan diwujudkan bagi memberi perkhidmatan klinikal yang diperlukan masyarakat,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan penyerahan dividen Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC) sebanyak RM13 juta kepada kerajaan negeri di sini hari ini.

Pada majlis itu SCC diwakili Pengerusinya, Teo Chee Kang manakala kerajaan negeri diwakili Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Datuk Pangeran Hassanel Pangeran Mohd. Tahir.

Tahun lalu kerajaan negeri mengumumkan akan mengubah suai Wisma Khidmat setinggi sembilan tingkat itu sebagai salah satu pelan mengatasi masalah kesesakan Hospital Queen Elizabeth (QEH) berikutan dua daripada bangunan utamanya diisytiharkan tidak selamat.

Selain itu, bangunan milik SCC itu

turut dirancang untuk menempatkan perkhidmatan kecemasan seperti ambulans dan sebagainya.

Mengenai QEH, Musa berkata, kerja membina bangunan baru hospital itu akan bermula sebaik kerja merobohkan bangunan tidak selamat itu selesai.

Katanya, kerja-kerja itu akan dimulakan bulan depan.

Ditanya mengenai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kecemasan, Musa berkata, kerajaan negeri menerusi SCC akan membantu St. John Ambulans menyediakan kelengkapan bagi meningkatkan keupayaan persatuan itu memberi bantuan kecemasan kepada penduduk sekitar bandar raya ini.

Katanya, perkhidmatan kecemasan itu dijangka dimulakan dalam tempoh sembilan bulan selepas kerja melengkapkan persatuan itu dengan kelengkapan kecemasan selesai.